



جایان کھاکین شرعیہ ملیسیا
KETUA PENGARAH/KETUA HAKIM SYARIE
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
Department of Syariah Judiciary Malaysia
Aras 7, Blok C, Kompleks Islam Putrajaya
No. 20, Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3
62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

PRA PERBICARAAN

Tel : 603-8870 9300
Faks : 603-8870 9316
Portal Rasmii : www.jksm.gov.my
E-mel : mukhyuddin@esyariah.gov.my

Ruj. Kami : JKSM.600-1/2/4 JLD 4 (27)
Takwim : 23 Rabi'ul Akhir 1440H
Tarikh : 31 Disember 2018

Y.A.A. Ketua-Ketua Hakim Syarie,
Mahkamah-mahkamah Syariah Negeri-negeri.

ARAHAN AMALAN NO. 5 Tahun 2018

Tatacara Penolakan/Pembatalan Kes Rayuan Mal Yang Tidak Mengikut Aturan

Saya ingin menarik perhatian Y.A.A. kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan Mahkamah Syariah Tahun 2018 pada 13 Rabi'ul Awal hingga 15 Rabi'ul Awal 1440H bersamaan 21 November hingga 23 November 2018 di Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) Wilayah Persekutuan Putrajaya telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai arahan amalan berhubung tatacara penolakan/pembatalan kes rayuan mal yang tidak mengikut aturan seperti yang berikut:-

- i. Mahkamah Rayuan Syariah boleh membatalkan notis rayuan yang mana alasan rayuan dan/atau rekod rayuan tidak difailkan di Mahkamah Rayuan Syariah di dalam tempoh yang diperuntukkan sebagaimana seksyen 141 dan 142 Akta/Enakmen/Ordinan Tatacara Mal Mahkamah Syariah Negeri-negeri, tetapi tidak boleh disifatkan mengehadkan atau menyekat kuasa untuk melanjutkan masa yang diberikan kepada mahkamah syariah yang berkenaan oleh seksyen 238 Akta/Enakmen/Ordinan Tatacara Mal Mahkamah Syariah Negeri-negeri; dan

SYARIAH ASAS KEADILAN




CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT.NO: AR 3800

PRA PERBICARAAN

- ii. tatacara pembatalan notis rayuan tersebut adalah sebagaimana yang dinyatakan di dalam Arahan Amalan No. 10 Tahun 2016: Proses Kerja Rayuan Mal Mahkamah Syariah.
2. Arahan Amalan No. 12 Tahun 2004: Tatacara Penolakan Kes Rayuan Yang Tidak Mengikut Aturan adalah dibatalkan.

Arahan Amalan ini berkuat kuasa serta merta.



(DATO' HAJI MUKHYUDDIN BIN HAJI IBRAHIM)
Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
PUTRAJAYA